| | Registration Process | Document No. | MDP-01 (C.LIST/ NEW) |
|---|---|---|---|
| LEMBAGA JURUUKUR BAHAN MALAYSIA | Multi Disciplinary Practice : Checklist New Registration | Version | 2 |
| | | Effective Date | 30.09.2019 |

LEMBAGA JURUUKUR BAHAN MALAYSIA
PANDUAN PERMOHONAN PENDAFTARAN FIRMA PRAKTIS PELBAGAI DISIPLIN (MDP)

A. MAKLUMAT PENTING UNTUK PEMOHON

1. Hanya permohonan yang lengkap akan diproses.
2. Sila ambil maklum bahawa semua permohonan akan dibentangkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pendaftaran dan Kelayakan untuk perakuan sebelum dibentangkan di Mesyuarat Lembaga untuk keputusan rasmi. Permohonan lengkap yang diterima kurang 3 hari dari tarikh Mesyuarat Jawatankuasa hanya akan dibentangkan dalam Mesyuarat Lembaga yang seterusnya.
3. Permohonan dan dokumen sokongan perlu dilengkapkan dan dimuatnaik melalui sistem ReQSys berdasarkan senarai semakan permohonan yang telah ditetapkan.
4. Tiada sebarang penerimaan dokumen sokongan di dalam bentuk fizikal (*hardcopy*).

B. SENARAI SEMAKAN PERMOHONAN

| NO | PERKARA | | TINDAKAN (√) |
|---|---|---|---|
| 1 | Memastikan keperluan Garispanduan Pendaftaran Lembaga Juruukur Bahan Malaysia (LJBM) seperti berikut dipenuhi :<br>(i) Kelayakan pengarah dari segi pengalaman<br>(ii) Pecahan ekuiti oleh pemegang saham<br>*(Nota : sila rujuk Garispanduan Pendaftaran LJBM yang boleh dimuatturun di laman web LJBM)* | | ❑ |
| 2 | Menyediakan dokumen-dokumen untuk dimuatnaik di dalam sistem ReQSys : | | ❑ |
| | (a) | Sesalinan Ijazah setiap pengarah | |
| | (b) | Sesalinan Sijil Perakuan Pendaftaran dengan LJBM / Lembaga Jurutera Malaysia (LJM) / Lembaga Arkitek Malaysia (LAM) setiap pengarah | |
| | (c) | Akuan berkanun mengenai kebankrapan oleh pengarah yang disahkan oleh Pesuruhjaya Sumpah (sila rujuk format surat akuan oleh LJBM) | |
| | (d) | Pengisytiharan mengenai komitmen pengarah dalam firma lain | |
| | (e) | Surat kelulusan dari rakankongsi / pengarah untuk menjadi pengarah dalam firma MDP | |
| | (f) | Sesalinan Memorandum and Articles of Association (M & A)/ Seksyen 14 (SSM) dengan memasukkkan terma mengenai aktiviti firma sebagai Perunding Juruukur Bahan dan Perunding Arkitek dan/ atau Perunding Kejuruteraan | |
| | (g) | Dokumen yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) berkaitan :<br>(i) Maklumat penubuhan syarikat<br>(ii) Maklumat struktur pengarah terkini syarikat<br>(iii) Maklumat modal berbayar syarikat.Sila ambil maklum bahawa modal berbayar bagi firma MDP adalah sekurang-kurangnya RM150,000.00. | |
| 3 | Bayaran adalah secara atas talian melalui sistem ReQSys. Jumlah bayaran yang perlu dikemukakan adalah sebanyak RM2,100.00 yang merangkumi;<br>• RM2,000.00 (yuran pendaftaran).<br>• RM100.00 (yuran pemprosesan yang tidak akan dikembalikan). | | ❑ |

- Sila ambil maklum bahawa pemohon berkemungkinan dikehendaki menghadiri sesi temuduga yang dikendalikan oleh Jawatankuasa Pendaftaran dan Kelayakan sebelum permohonan boleh dipertimbangkan. Pemohon akan dimaklumkan jadual sesi temuduga tersebut oleh sekretariat LJBM setelah semua keperluan permohonan dipenuhi.

- Untuk maklumat lanjut, sila hubungi sekretariat pendaftaran Firma MDP di talian : 03-26108140 atau e-mail : alina@bqsm.gov.my.